

Warta Penerangan

Edisi Keenam
2008

Bil 6 Jun 2008

Bengkel Penulisan Berita dan Rencana Bagi Pegawai-pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan

Jabatan Penerangan selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan telah menganjurkan Bengkel Penulisan Berita dan Rencana bagi Pegawai-pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di negara ini mulai 25, 26 dan 28 Jun.

Objektif bengkel selama tiga hari itu ialah untuk meningkatkan kemahiran Pegawai-pegawai Perhubungan Awam dan pengamal perhubungan awam di kalangan sektor kerajaan dalam mempakej maklumat dengan mengutamakan bidang penulisan berita dan rencana yang terkini dan dinamik sebagai salah satu tools kerja-kerja perhubungan awam.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi dalam ucapan perasmian beliau menjelaskan bahawa penulisan rencana dan berita merupakan satu cabang disiplin ilmu yang mencabar yang menuntut kepada ciri-ciri ketajaman daya lihat, daya rasa, daya fikir dan kesungguhan serta ketangkasan menggunakan mekanisma yang ada.

Awang Haji Yussof juga menambah, Pegawai-pegawai Perhubungan Awam merupakan pegawai barisan depan dan utap bagi mempertingkatkan imej agensi masing-masing. Keberkesanan maklumat



Pemangku Pengarah Penerangan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta bengkel.

Ketua Bahagian Pelita Brunei, Awang Haji Jaafar memberi penerangan kepada para peserta bengkel.

yang disampaikan kepada khalayak atau kumpulan sasaran banyak bergantung kepada dua faktor iaitu kemantapan perisian dan strategi daya membentuk pola fikir yang kreatif, disokong oleh kekuatan penampilan gambar dan penulisan kapsyen (keterangan gambar) yang menarik. Ramuan atau aspek-aspek tersebut perlu digabungkan dengan baik dan kreatif bagi membolehkan maklumat yang hendak disampaikan melalui penulisan rencana dan berita menarik tanpa menimbulkan kekeliruan kepada pembaca.

Seramai 30 peserta bengkel terdiri dari Pegawai-pegawai Perhubungan Awam sektor kerajaan menghadiri

bengkel berkenaan yang dikendalikan oleh Ketua Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim. Antara lain beliau telah memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai pengenalan penulisan berita dan rencana, pemilihan *headline* dan peranan serta pemilihan gambar-gambar dan kapsyen.

Para peserta bengkel juga dikehendaki menghasilkan berita dan rencana berkisar mengenai kementerian atau jabatan masing-masing.



Para peserta yang menghadiri Bengkel Penulisan Berita dan Rencana bagi Pegawai-pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.

Sidang Redaksi

Penasihat

Haji Mahrub Haji Murni
Haji Yussof Haji Ladi

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aida Hidup
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Asnah Diwa
Nor Ajijah Mohammad
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382 012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Tidak terasa kini kita sudah sampai di pertengahan tahun dan Jabatan Penerangan terus giat melaksanakan dan mengikut serta aktiviti-aktiviti di dalam mahupun luar negeri.

Salah satu aktivitinya ialah Bengkel Penulisan Berita dan Rencana serta fotografi yang dianjurkan untuk Pegawai-pegawai Perhubungan Awam di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan. Selain itu beberapa orang warga Penerangan telah juga turut serta dalam bengkel ini adalah selaras dengan peranan jabatan sebagai Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan dalam meningkatkan lagi kemahiran di bidang penulisan dan juga pengambilan gambar-gambar, salah satu aspek yang penting dalam kerja-kerja perhubungan awam. Apa yang diharapkan adalah akan adanya sumbangan penulisan dari peserta-peserta dalam meningkatkan lagi imej kementerian dan jabatan masing-masing.

Peluang-peluang pendedahan pembelajaran bagi pegawai dan kakitangan jabatan di luar negara dikembangkan lagi dengan jalinan MoU di bidang Penerangan dengan Thailand. Mesyuarat Teknikal MoU Di Bidang Penerangan dan Penyiaran yang telah diadakan di Thailand pada bulan ini telah mempersetujui beberapa program ke arah di mana antaranya ialah pertukaran bahan-bahan penerbitan, pertukaran pegawai dan media cetak serta Program Pameran Bersama.

Di dalam kesibukan bulan ini juga, Jabatan Penerangan menerima kunjungan pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang baru ditauliahkan dan Persatuan Lun Bawang Daerah Temburong. Kunjungan seperti ini memperlihatkan hasrat ramai yang ingin mengetahui lebih banyak lagi mengenai jabatan mahupun maklumat-maklumat terkini dan setentunya jabatan sentiasa terbuka untuk semua dan bersedia berkongsi maklumat dengan semua peringkat masyarakat dan penduduk negara.

Sekian. Wassalam.

HAJI MAHRUB BIN HAJI MURNI
Pemangku Pengarah Penerangan

Isi Kandungan

- | | |
|--|---|
| - Majlis Penyampaian Poster 'Photographic Competiton 2008' | 3 |
| - Lawatan sambil belajar ABDB | |
| - Lawatan PLBMB, Daerah Temburong | |
| - Mesyuarat ke-7 Jawatankuasa Teknikal Bersama Di Bawah Persefahaman Mengenai Kerjasama Di Bidang Penerangan dan Penyiaran | 4 |
| - Program Pameran Bersama Thailand dan Negara Brunei Darussalam | |
| - Para pegawai dan kakitangan berkursus | |
| - MRO bertugas | 6 |
| - Pertandingan Tarik Kalat Antara Kelab SeBorneo 2008 | |
| - Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009 | 7 |
| - Selamat Hari Lahir | |
| - Ucapan Tahniah | 8 |

Majlis Penyampaian Poster ‘Photographic Competition 2008’

Majlis Penyampaian Poster bagi mempromosikan ‘Photographic Competition 2008’ yang dianjurkan bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-62 tahun telah pun diadakan di Jabatan Penerangan pada 28 Jun.

Peraduan tersebut adalah anjuran The Brunei Times Sendirian Berhad dengan kerjasama Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan turut disokong oleh Persatuan Jurufoto

Brunei Darussalam dan Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam.

Poster-poster promosi tersebut telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni kepada para Pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan untuk diberikan kepada para pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan masing-masing.

Peraduan yang menawarkan hadiah lumayan ini dibukakan bagi penyertaan orang ramai dari dalam dan luar negeri kecuali pihak pengajur.



Pemangku Pengarah Penerangan menyampaikan poster-poster promosi kepada para Pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan.

Lawatan sambil belajar pegawai ABDB yang baru ditauliahkan



Ketua Unit Laman Web, Bahagian Berita Inggeris dan Media IT, Awang Haji Ariffin bin Mohd Noor memberi penerangan kepada para pegawai ABDB.

Seramai 12 orang pegawai baru ditauliahkan sesi 2008 bagi Cawangan Perkembangan Pendidikan Pegawai, Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang diketuai oleh Second Lieutenant Alfizan bin Safudin telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan pada 23 Jun.

Mereka telah dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah Penerangan,

Awang Haji Yussof bin Haji Ladi.

Berangkat sama menyertai rombongan berkenaan ialah Second Lieutenant (2LT) Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Mumin ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Rombongan telah diberikan taklimat mengenai ‘Kepimpinan dan Disiplin Asas Kecemerlangan’ yang disampaikan

oleh Awang Azman bin Haji Abdul Rahim, Ketua Bahagian Pameran.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra dan mengadakan sesi soal jawab bersama Timbalan Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai kanan jabatan.

Sebelum mengakhiri lawatan, pegawai-pegawai tersebut dibawa melawat ke Bahagian Berita Inggeris & Media IT dan juga Bahagian Fotografi & Audio Visual.

Lawatan Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB), Daerah Temburong ke Jabatan Penerangan

Seramai 35 orang peserta rombongan dari Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB), Daerah Temburong telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 16 Jun.

Antara lain tujuan lawatan tersebut ialah untuk mendapatkan maklumat dan meluaskan pengetahuan mengenai hal ehwal kerajaan dan negara di samping memupuk semangat cintakan agama, bangsa dan negara berteraskan Falsafah Negara ‘Melayu Islam Beraja’.

Atur cara lawatan diisi dengan majlis taklimat kenegaraan bertajuk ‘Melayu Islam Beraja’ diikuti dengan sesi perbincangan bersama pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan.

Peserta rombongan juga berpeluang melawat ke Syarikat Seiwa Cooperation Sdn. Bhd. di Meragang yang bertanggungjawab menghasilkan anak-anak udang untuk dibekalkan kepada para pengusaha tempatan.



Peserta rombongan semasa mendengar taklimat dan sesi soal jawab bersama pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

4 Warta Penerangan

Mesyuarat Ke-7 Jawatankuasa Teknikal Bersama Di Bawah Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Di Bidang Penerangan dan Penyiaran



Pemangku Pengarah Penerangan bersama Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam Thailand.



Pengiran Dato Paduka Haji Ismail, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (kiri) menerima cenderamata dari Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Thailand, Tuan Jadul Apichatabutra .

Pada tahun ini, Mesyuarat Ke-7 Jawatankuasa Teknikal Bersama Di Bawah Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Di Bidang Penerangan dan Penyiaran di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 4 hingga 5 Jun.

Mesyuarat telah dihadiri oleh seramai 23 orang delegasi dari kedua-dua buah negara. Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, sementara delegasi Thailand diketuai oleh Tuan Jadul Apichatabutra, Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Thailand. Delegasi Negara Brunei Darussalam terdiri daripada 9 orang pegawai masing-masing mewakili Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerangan dan Jabatan Radio Televisyen Brunei. Jabatan Penerangan

diwakili oleh Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, Pemangku Pengarah Penerangan; Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, Ketua Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Mesyuarat telah dimulakan dengan ucapan oleh ketua delegasi dari kedua buah negara dan setelah itu diikuti dengan perlantikan Pengerusi Bersama. Mesyuarat telah dipengerusikan bersama oleh Tuan Rattanaburee Atisapt, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Awam Thailand dan Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, Pemangku Pengarah Penerangan, Negara Brunei Darussalam.

Di antara agenda mesyuarat ialah meniliti status laporan Mesyuarat Ke-6 Jawatankuasa Teknikal Bersama Di Bawah Memorandum Persefahaman Di Bidang Penerangan dan Penyiaran yang diadakan pada tahun 2007 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam,

yang mana meliputi kerjasama dalam pertukaran berita, program-program radio dan televisyen serta perkhidmatan penerangan. Kerjasama di bidang penerangan termasuk pertukaran bahan-bahan terbitan, pertukaran Pegawai Penerangan dan media cetak, program pameran bersama dan program pertukaran kandungan media melalui laman web. Mesyuarat juga telah membincangkan mengenai cadangan-cadangan projek baru di kedua-dua bidang penerangan dan penyiaran.

Mesyuarat dua hari telah berakhir dengan ucapan penutup oleh ketua delegasi dari kedua negara. Dalam ucapan penutup kedua-dua ketua delegasi melahirkan rasa berpuas hati dengan pencapaian program-program dan aktiviti-aktiviti kerjasama di bidang penerangan dan penyiaran di bawah memorandum persefahaman yang telah dikendalikan dengan jayanya, dan berharap ianya akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa.



Antara gambar-gambar Pemangku Pengarah Penerangan, Pegawai Penerangan Kanan dan para Pegawai Penerangan yang menyertai mesyuarat, pameran dan program pertukaran lawatan.



Melihat secara lebih dekat kebudayaan rakyat Thailand di Siam Niramat sebuah kampung kebudayaan.



Ketika berada di Ladplee Floating Market.

Membuat lawatan ke Institute of Public Relations .

Program Pameran Bersama Thailand dan Negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Negara Thailand melalui Jabatan Perhubungan Awam Thailand telah mengendalikan Program Pameran Bersama Thailand dan Negara Brunei Darussalam (Thailand – Brunei Darussalam Joint Exhibition) iaitu salah satu projek yang telah dipersejui di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand mengenai kerjasama di bidang penerangan dan penyiaran. Pameran diadakan selama empat hari bermula dari 3 hingga 6 Jun bertempat di Jabatan Perhubungan Awam, Auditorium SOI Areesamphan, Phanonyothin Road, Bangkok, Thailand.

Majlis Pelancaran Program Pameran Bersama telah disempurnakan oleh Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, Program Pameran Bersama membawat juk 'Thailand and Brunei Darussalam: Only One Earth

Care and Share' yang bertemakan 'Global Warming'. Tema dipilih bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang jatuh pada 5 Jun. Pada masa ini isu-isu alam sekitar terutama sekali mengenai pemanasan global kini menjadi perhatian sejagat, dan dari itu adalah bertepatan bagi Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand untuk berkongsi pengalaman ke arah memberikan maklumat dan penerangan kepada masyarakat melalui beberapa program kesedaran awam yang dikendalikan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan di negara masing-masing.

Ruang Pameran Negara Brunei Darussalam dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama memaparkan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Negara Thailand di bidang penerangan dan penyiaran, sementara bahagian kedua pameran memaparkan inisiatif-inisiatif dan penglibatan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat diraja terhadap penjagaan alam sekitar. Selain dari itu bahagian ini juga memaparkan mengenai

projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang diungkayahkan oleh pihak kerajaan seperti Kementerian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perhubungan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta agensi-agensi bukan kerajaan seperti Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. dan Bank Standard Chartered dan tidak ketinggalan juga penglibatan masyarakat ke arah usaha menjaga keselamatan bumi dan alam sekitar.

Pameran ini diadakan dengan tujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai isu-isu alam sekitar dan kepanasan global yang melanda dunia pada masa ini serta cara dan kaedah bagi mengatasinya ke arah usaha menyelamatkan bumi dari kesan-kesan kepanasan global. Pameran yang berlangsung selama empat hari ini telah dikunjungi oleh ratusan penuntut-penuntut sekolah, orang-orang perseorangan, kakitangan kerajaan dan pihak swasta Negara Thailand.



Majlis Pelancaran Program Pameran Bersama telah disempurnakan oleh Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamed, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



Sebahagian daripada murid-murid sekolah yang menyaksikan Pameran Bersama Thailand dan Negara Brunei Darussalam bertempat di Jabatan Perhubungan Awam, Auditorium SOI Areesamphan, Phanonyothin Road, Bangkok, Thailand.



Antara bahan pameran dari Negara Brunei Darussalam.



Suasana ketika menurunkan bahan-bahan pameran selepas selesai pameran.

MRO bertugas di bulan Jun



Para Pegawai Penyelaras Media (MRO) seperti biasa terlibat dalam acara-acara yang diadakan di peringkat negara bagi memantau, menyelaras dan memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada para wartawan dan jurugambar yang bertugas.

- | | | |
|-------------|---|--|
| 2 Jun | - | MRO melawat Kapal Steadfast, Kapal Perang Republik Singapura. |
| 3 Jun | - | Lawatan Timbalan Menteri Pertahanan ke Kapal Steadfast, Kapal Perang Republik Singapura. |
| 28 - 30 Jun | - | Latihan Upacara Menaikkan Bendera Besar sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-62 tahun. |

Berita & gambar sumbangan:
Bahagian Perkhidmatan Media

Pegawai yang bersara bulan Jun 2008



Pengiran Hajah Maskuin binti Pengiran Haji Mohamad

Jawatan : Kerani Tingkat III

Cuti Sebelum Bersara : 8 April - 1 Jun 2008

Tarikh Bersara : 2 Jun 2008

Penempatan Mahasiswa / Mahasiswi UBD

Mulai pada 26 Mei yang lalu, tiga orang mahasiswa/mahasiswi dari Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menjalani penempatan kerja di beberapa buah bahagian di Jabatan Penerangan.

Awang Muhammad Mardhi bin Haji Morni telah diaturkan menjalani latihan penempatan kerja di Bahagian Penerbitan, Laporan Tahunan dan Tugas Khas; Dayang Siti Norratna binti Mohamad Ali ditempatkan di Bahagian Pelita Brunei manakala Dayang Nurhamizah binti Hassim ditempatkan di Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Para mahasiswa/mahasiswi ini akan menjalani penempatan kerja di Jabatan Penerangan selama lapan minggu. Penempatan kerja mereka akan berakhir pada 19 Julai 2008.

Pegawai-pegawai yang menyertai program pertukaran Thailand

- Awang Ismail bin Muhammad
Pegawai Penerangan Kanan
- Awang Musa bin Mohidin
Pegawai Penerangan
- Awang Haji Abd Rahman bin Haji Kalong
Penolong Pegawai Penerangan
- Dayang Hajah Norleha binti Haji Salleh
Penyemak Kanan
- Awang Md Sufian bin Basri
Pegawai Pentadbir Tingkat I
Jabatan Perkhidmatan Pengurusan

Pertandingan Tarik Kalat Antara Kelab SeBorneo 2008

Pertandingan Tarik Kalat Antara Kelab SeBorneo 2008 telah berlangsung di Kompleks Sukan Limbang, Sarawak pada 22 Jun.

Sebanyak 13 buah pasukan menyertai pertandingan iaitu tujuh (7) pasukan dari Negara Brunei Darussalam, dua (2) pasukan dari Sabah dan empat (4) pasukan mewakili Limbang, Sarawak selaku tuan rumah pertandingan pada tahun ini.

Seorang kakitangan Jabatan Penerangan, Awang Ismale bin Haji Abdul Rahman adalah anggota penarik bagi JJ Team, salah sebuah pasukan Negara Brunei Darussalam yang menyertai pertandingan ini dan baru pertama kali mengikuti pertandingan di luar negeri. Pasukan ini diletakkan dalam Kumpulan A bersama MG5 'A' Temburong (Brunei Darussalam), JKR 'B' (Brunei Darussalam) dan Kelab Sukan Kota Raya (Limbang, Sarawak). Dalam peringkat saringan, JJ Team telah menampakkan kemantapan dan ketahanan stamina dalam menarik kalat secara berdiri dan telah berjaya menempah tiket untuk mara ke suku akhir setelah menundukkan cabaran mereka dalam Kumpulan A.

Beberapa syarat dan peraturan perlawanan telah ditetapkan oleh pihak Hakim Jawatankuasa Pertandingan, antaranya mengenai jumlah berat badan yang hanya dihadkan kepada 800kg bagi lapan (8) orang penarik. Jika sekiranya ada pertukaran penarik, pihak hakim akan mengira semula jumlah timbangan semua penarik dan memastikan jumlah keseluruhan tidak melebihi 800kg. Sepanjang perlawanan semua penarik tidak dibenarkan duduk atau baring dan jika mereka didapati duduk, pihak hakim akan mengira sebanyak sepuluh kiraan. Jika masih ingkar untuk bangun dan berdiri semula, pihak hakim tidak ragu-ragu membatakan perlawanan yang sedang dijalankan dan pasukan tersebut akan dikira kalah.

Dalam pertandingan suku akhir, JJ Team telah bertemu dan mengalahkan pasukan senegara iaitu Ironman. Dalam pertandingan separuh akhir, JJ Team berjaya mengalahkan pasukan lawan iaitu Pasukan Limbang C dalam tarikan rubber set sebelum mereka memastikan nama JJ Team disahkan oleh hakim pertandingan untuk mara ke pusingan akhir.

Dalam pertandingan akhir bagi merebut juara dan naib juara, JJ Team telah bertemu dengan JKR 'A' Negara Brunei Darussalam. Walaupun JJ Team hanya mampu menyandang naib juara dalam pertandingan akhir ini tetapi mereka telah memberikan tantangan yang sengit kepada Pasukan JKR 'A' yang menjadi juara pertandingan pada tahun ini.

Pasukan JKR 'A' membawa pulang wang tunai RM2,500 berserta piala iringen, JJ Team menerima hadiah wang tunai RM1,500 berserta piala dan tempat ketiga pula disandang bersama oleh Kudat Power (Sabah) dan Pasukan Limbang C dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM500 bagi setiap pasukan.

Penutupan rasmi pertandingan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Pertandingan Tarik Kalat Antara Kelab SeBorneo merupakan acara tahunan dan pada tahun ini merupakan pertandingan kali kedua dan disempenakan dengan ulang tahun ke-45 Sarawak Maju Dalam Malaysia.



Naib juara Pertandingan Tarik Kalat Antara Kelab SeBorneo 2008, JJ Team yang mewakili Negara Brunei Darussalam merakamkan gambar kenangan bersama piala dan cek wang tunai RM1,500. Kelihatan Awang Ismale bin Haji Abdul Rahman (paling kanan berdiri di barisan belakang) seorang kakitangan Jabatan Penerangan.

Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009

Dengan tema ‘3 Warna’ Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 – 2009 anjuran Bahagian Fotografi dan Audio Visual diteruskan lagi bagi bulan Mei (15 Mei – 15 Jun).

Gambar ‘Tiga Rasa’ oleh Awang Ramli bin Haji Tengah telah memenangi peraduan tersebut bagi Kategori Jurugambar. Manakala gambar ‘Tudung Muslimah’ oleh Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman telah memenanginya bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan. Peraduan diteruskan bagi bulan Jun dengan tema ‘Riang’.



‘Tiga Rasa’ oleh Awang Ramli bin Haji Tengah yang memenangi Kategori Jurugambar.



‘Tudung Muslimah’ oleh Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman yang memenangi Kategori Jurugambar.

Selamat Hari Lahir!!!

Pengiran Hajah Maskuin binti Pengiran Haji Mohamad Awang Adanan bin Haji Ibrahim	02 Jun
Awang Ismail bin Mohammad	06 Jun
Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim	07 Jun
Dayang Hajah Zaianit binti Haji Noorkhan	10 Jun
Dayang Nor Ajijah binti Haji Mohammad	10 Jun
Awang Haji Hassan bin Haji Ismail	16 Jun
Awang Zainuddin bin Muhammad Hussein	16 Jun
Dayang Jennifer Foo Lan Fah	17 Jun
Awang Mohd Zul Izzi bin Haji Duraman	18 Jun
Dayang Hajah Norliha binti Haji Salleh	21 Jun
Awangku Amirul Nizam bin Pengiran Haji Mohd Ali	26 Jun
Awang Abdul Kafi bin Haji Sulaiman	26 Jun
Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Ali Hussein	29 Jun
Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	30 Jun
	30 Jun

UCAPAN TAHNIAH

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada:
Awang Ramli bin Haji Tengah sempena perkahwinan anak beliau, Dayang Siti Izyanah binti Ramli dan pasangannya,
Ruzili bin Katong pada 6 Jun.

Dayang Painah binti Paiman sempena perkahwinan anak beliau, Awang Muhd. Amal Izdiharuddin bin Sulaiman dan
pasangannya, Dayang Mardiana binti Haji Abdul Wahab pada 8 Jun.